

15/10/2001

Generasi muda kagum kepemimpinan Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad - Generasi muda mengakui kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berwawasan dan sentiasa berpandangan jauh, berjaya mewujudkan kesejahteraan dan kemakmuran di negara ini.

Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Khairul Arifin Mohamad Munir, berkata rakyat, terutama belia seharusnya berbangga mempunyai seorang pemimpin yang berjaya mengangkat Malaysia sehingga disegani bukan saja di rantau Asia, malah seluruh dunia.

"Kecekapan beliau mentadbir negara bukan saja berjaya menstabilkan ekonomi tetapi mampu menyatupadukan semua kaum di negara ini," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas Seminar Pemikiran Dr Mahathir Untuk Generasi Muda, di Kuala Lumpur, semalam.

Abdullah berkata, Dr Mahathir perlu dihakimi lebih adil dengan melihat usahanya memajukan negara dan masyarakat Melayu sejak menjadi Perdana Menteri 20 tahun lalu dan bukannya berdasarkan kepada perkara berlaku dalam tempoh tiga atau empat tahun lalu.

Di IPOH, Hasnan Hamidy Ramli, 18, berkata, kebijaksanaan Perdana Menteri merangka dasar pembangunan menyebabkan Malaysia muncul sebagai negara membangun termaju di dunia.

Nur Amalina Ahmad, 19, berkata generasi muda perlu mencontohi kebijaksanaan pemikiran Dr Mahathir kerana beliau mampu berfikir secara kritikal dan sentiasa berpandangan jauh.

Di JOHOR BAHRU, pekerja kilang, Azman Abdul Majid, 21, berkata Dr Mahathir bukan saja mempunyai wawasan, tetapi bekerja keras dan mempunyai perancangan cukup teliti bagi membangunkan rakyat dan negara.

Pemimpin belia 4B, Alimin Kamaruddin, 25, berkata generasi muda perlu menilai usaha bersungguh-sungguh Perdana Menteri selama ini dan bukannya menilai berdasarkan kaca mata pemimpin pembangkang.

Beliau berkata, sejak pemerintahan lebih 20 tahun, negara dan rakyat hidup dalam suasana aman, harmoni dan negara terus berkembang dalam pelbagai bidang.

Di KUALA TERENGGANU, Gabungan Pelajar Melayu Semanjung (GPMS), berpendapat pelajar perlu melihat setiap pandangan Dr Mahathir dalam skop lebih luas dan bukan sekadar aspek kepentingan politik.

Setiausaha Agungnya, Syed Anuar Syed Mohamad, berkata kesilapan menilai Perdana Menteri daripada aspek politik menyebabkan kejayaan beliau membangunkan negara, bangsa Melayu dan Islam tidak diberi perhatian.

Di MELAKA, Setiausaha Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) Negeri, Abu Bakar Md Sudi, berkata wawasan yang diilhamkan Dr Mahathir membuktikannya mahu negara ini mencapai taraf negara maju dan unggul pada mata dunia.

(END)